LAWATAN KERJA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH KE KULIM HI-TECH PARK, 7 OKTOBER 2024

KENYATAAN MEDIA

Pada 7 Oktober 2024, YAB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah dan Pengerusi Majlis TVET Negara telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kulim Hi-Tech Park ('KHTP'). Lawatan Kerja ini turut disertai oleh Y.Bhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan daripada agensi-agensi yang berkenaan.

Delegasi YAB Timbalan Perdana Menteri di sambut oleh YB Dr.Haim Hilman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pegerusi Jawatankuasa Industri & Pelaburan, Pengajian Tinggi dan Sains, Teknologi & Inovasi), Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Sahil bin Zabidi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd., pegawai-pegawai tinggi Negeri daripada agensi-agensi yang berkenaan serta pelabur-pelabur industri di KHTP.

Semasa sesi Lawatan Kerja, selain melawat Kawasan KHTP, YAB Timbalan Perdana Menteri turut berkesempatan mengemudi program 'Bicara Bakat' dengan pelabur-pelabur industri di KHTP. Hasrat dan objektif program tersebut adalah bagi membolehkan YAB Timbalan Perdana Menteri mendapatkan maklumbalas dan gambaran secara terus daripada pelabur-pelabur industri di KHTP berkenaan persoalan keperluan dan kemampuan tenaga kerja teknikal di Malaysia. Ia adalah bagi mengenalpasti polisi yang boleh dirangka di peringkat nasional untuk memperkasakan pembangunan tenaga kerja dalam sektor elektrik dan elektronik dan Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional ('TVET') bagi menampung keperluan industri khususnya di KHTP, dan amnya di Malaysia. YAB Timbalan Perdana Menteri juga menghuraikan berkenaan dengan Dasar TVET Negara yang telah diluluskan pelaksanaannya di peringkat nasional dan menyeru semua industri di KHTP untuk meneliti dasar tersebut dan mengambil peluang dalam membangunkan bakat dalaman di industri, melalui program TVET.

Selain pelabur industri, program 'Bicara Bakat' juga turut dihadiri oleh 100 orang penyedia latihan teknikal, suatu sesi interaksi yang positif di antara semua pemegang taruh telah terlaksana, dengan memfokuskan kepada inisiatif untuk melahirkan dan meningkatkan keupayaan bakat teknikal di Malaysia.

DRAFT

Berkenaan Kulim Hi-Tech Park ('KHTP')

KHTP, adalah merupakan sebuah Projek Nasional dengan keluasan semasa seluas 4,995 ekar. Sejak ditubuhkan dan sehingga kini, KHTP menjadi pilihan pelabur antarabangsa daripada sektor berteknologi tinggi, antaranya kepada faktor kekukuhan ekosistem yang di diterjemahkan melalui 6 komponen pembangunan yang dapat dilihat melalui logo KHTP. Setiap pilihan warna mewakili komponen pembangunan yang tertentu di dalam KHTP;

- Biru : industri, samaada dari dalam atau luar negara
- Ungu : institusi,
- Merah : urban / komersial
- Jingga : latihan dan penyelidikan,
- Kuning : residensi
- Hijau : sukan dan rekreasi.

KHTP adalah dimaju dan diuruskan oleh Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd., sebuah badan korporat, milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Pembangunan KHTP kini mempunyai 4 fasa industri, yang dikenali sebagai Zon Industri Fasa 1 hingga Zon Industri Fasa 4.

Setakat September 2024, KHTP adalah merupakan lokasi pelaburan bagi 53 syarikat pelabur daripada 11 negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Pelaburan daripada syarikat berteknologi tinggi ini telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih 45,000 inidividu. Berdasarkan pembangunan dan peluasan semasa di KHTP, dalam tempoh 6 tahun akan datang (sehingga 2023), tambahan keperluan tenaga kerja teknikal dijangka mencapai lebih 20,000 pejawatan.

Untuk pertanyaan media

Puan Siti Norsakeena Mohd Arshad
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat
Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.
Email : norsakeena.arshad@KHTP.COM.MY
Nombor telefon : 019-2441433

DRAFT